

D398

U B988 AAB

MAHATHIR - TIMBALAN

(I)

KUALA LUMPUR, 4 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYATAKAN SESUATU BERHUBUNG DENGAN SOAL BILAKAH PERLANTIKAN TIMBALAN PERDANA MENTERI AKAN DIUMUMKAN.

+ANDA MASIH BOLEH MEMBUAT RAMALAN. INI BOLEH DIBUAT KERANA ANDA MEMPUNYAI BANYAK MASA,+ KATANYA APABILA DITANYA OLEH PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN RESTORAN TERAPUNG NELAYAN DI TASIK TITIWANGSA DI SINI.

+PENGUMUMAN INI SAYA JANGKA AKAN DIBUAT DALAM TEMPOH ANTARA SEKARANG HINGGA PERLANTIKAN ITU,+ KATANYA APABILA DITANYA SAMA ADA PENGUMUMAN ITU AKAN DIBUAT TIDAK LAMA LAGI.

PERDANA MENTERI TIDAK MENGESAHKAN SECARA KHUSUS BAHAWA BELIAU MENGADAP YANG DI-PERTUAN AGONG PAGI INI KERANA MEMBINCANGKAN PERLANTIKAN TIMBALAN PERDANA MENTERI BARU.

KEKOSONGAN JAWATAN ITU BERLAKU EKORAN PERLETAKAN JAWATAN DATUK MUSA HITAM BARU-BARU INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, +SAYA SERING MENGADAP SERI PADUKA. MUNGKIN KAMI MEMBINCANGKAN PERKARA ITU, MENGAPA TIDAK?.+ -- BERNAMA.

1638MST 04 05 86